

 <p>ISSN NO. 2320-5407</p>	<p>Journal Homepage: -www.journalijar.com</p> <h2>INTERNATIONAL JOURNAL OF ADVANCED RESEARCH (IJAR)</h2> <p>Article DOI:10.21474/IJAR01/18846 DOI URL: http://dx.doi.org/10.21474/IJAR01/18846</p>	 <p>INTERNATIONAL JOURNAL OF ADVANCED RESEARCH (IJAR) ISSN 2320-5407 Journal Homepage: http://www.journalijar.com Journal DOI:10.21474/IJAR01</p>
---	---	---

RESEARCH ARTICLE

WAKAF BERTEMPOH (MUAQQAT) SATU CADANGAN PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN DAN PENDEDAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Nur Athirah Binti Badlihisam and Mohd Fairuz Bin Md Salleh
Faculty of Economic and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Manuscript Info

Manuscript History

Received: 05 April 2024
Final Accepted: 09 May 2024
Published: June 2024

Key words:-

Temporary Waqf, Waqf Muaqqat,
Financial Statement

Abstract

Waqf is one of the important instruments in Muslim's economic development. Through waqf, long-term assets that generate income flows can be created and preserved. These assets clearly assist in the generation and creation of wealth. Waqf has the potential to play a significant role in poverty eradication by focusing its benefits on the poor. Most Malaysian states, as indicated in the State Administration of Islamic Law Enactment and the State Waqf Enactment, impose only on perpetuity property based on the Shafi'iy school of law. However, there are certain states allowed the implementation of temporary waqf such as Johor, Terengganu, Federal Territory of Kuala Lumpur, and Sarawak. Thus, the purpose of this article is to investigate the barriers to the implementation of temporary waqf in Malaysia, as well as the financial recording. This paper also provides recommendations in the recognition, measurement and disclosure for wakaf muaqqat in the financial statements. This paper has conducted inductive and deductive methods. In this qualitative research, data has been collected by using library research, observations, and interview with some respondents related to wakaf such as Deputy Executive of State Waqf in Selangor and Waqf Manager in Yayasan Canselor University Kebangsaan Malaysia. The result of this paper shows that there are problems in terms of legislation obstacles, lack of expert manpower in managing waqf, and problem of Baitulmal's administration that is inefficient and unsystematic. This paper also gives some recommendations in the recognition, measurement and disclosure for temporary waqf in the financial statements.

Copy Right, IJAR, 2024.. All rights reserved.

Pengenalan:-

Umum mengetahui bahawa salah satu institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen kerohanian dan kebendaan ialah wakaf. Justeru itu, menurut Abdul Hamid Yunus (1980), wakaf telah dikatakan sebagai satu institusi Pembangunan ekonomi ummah yang seimbang dan penting kepada masyarakat Islam khususnya. Ini terbukti berdasarkan pengalaman wakaf dalam membangunkan ekonomi ummah seperti di negara-negara yang mengaplikasikan sistem wakaf seperti di Mesir, Turki, Arab Saudi dan Kuwait. Hasil daripada sebuah perbadanan wakaf telah tertubuhnya Universiti al-Azhar, Mesir yang ditadbir dan dibiayai oleh perbadanan wakaf tersebut lebih daripada 1000 tahun penubuhannya. Menurut Yasniwati, Zefrizal & Misnar (2019), negara-negara seperti ini juga

Corresponding Author:- Nur Athirah Binti Badlihisam

Address:- Faculty of Economic and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia.

telah membincangkan dan mempunyai undang-undang berkaitan wakaf muaqqat iaitu wakaf bertempoh bagi memperoleh manfaat dan disebar kepada masyarakat.

Di Malaysia, institusi wakaf masih lagi berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada semua masyarakat. Selain daripada itu, umum mengetahui bahawa wakaf mempunyai banyak manfaat yang boleh didapati oleh pemberi wakaf dan juga yang menerima manfaat wakaf tersebut. Menurut Kamaruddin Ngah (1992), kejayaan institusi wakaf pada masa akan datang bergantung kepada kefahaman yang jelas mengenai konsep, peranan dan matlamat harta wakaf, kesedaran yang mendalam mengenai kepentingan menjaga dan memelihara wakaf, sikap bekerjasama, keseragaman pengurusan dan pelaksanaan serta penyelesaian masalah lain yang menjadi batu penghalang bagi Pembangunan harta wakaf masa kini.

Terdapat juga pihak yang ingin memberikan wakaf tetapi mereka mahu menggunakan harta itu semula pada beberapa tempoh. Ia menyebabkan kesukaran kepada majlis agama Islam Malaysia untuk mengaplikasikan wakaf bertempoh ini di Malaysia kerana terdapat banyak halangan seperti peruntukan undang-undang, jabatan tanah, dan isu yang terbesar dari sudut bagaimana wakaf bertempoh ini akan direkodkan dalam penyata kewangan dari sudut pengiktirafan, pendedahan dan pengukuran. Menurut Siti Mashitoh Mahamood (2021) yang membincangkan topik mengenai prospek pelaksanaan wakaf bertempoh di Malaysia, beliau memberitahu bahawa pentadbiran dasar bagi wakaf tidak mencukupi kerana terdapat isu yang perlu diberi perhatian seperti wakaf perlu diakaunkan dalam akaun yang berasingan dengan akaun baitulmal yang lain.

Hal ini kerana wakaf mempunyai hukumnya yang tersendiri. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa perlu diperbanyakkan seksyen dalam perundangan yang membicarakan berkaitan wakaf di Malaysia. Menurut Alias (2011) dan kajian daripada Osman, Htay & Muhammad (2012), sememangnya Masyarakat muslim Malaysia telah memahami konsep asas wakaf, namun kefahaman tersebut agak terbatas dan perlu dipertingkatkan agar wakaf lebih praktikal dan produktif. Contohnya, pewakaf lebih cenderung mewakafkan aset tidak alih (waqf al-'iqar) seperti bangunan, rumah, masjid, premis dan tanah. Ini kerana wujud sangkaan bahawa wakaf hanya terhad kepada aset seumpama itu. Tambahan lagi menurut Puad (2014) masyarakat juga menganggap wakaf hanya untuk orang yang beragama Islam sahaja. Kurang memahami konsep wakaf yang sebenar menyebabkan terjadinya persepsi seperti ini dan menyebabkan mereka kurang untuk berwakaf. Wakaf sebenarnya juga dibolehkan untuk orang yang bukan beragama Islam. Masyarakat perlu sedar peranan besar wakaf yang mampu membangunkan ekonomi malah lebih daripada itu dan wakaf bukanlah semata-mata untuk mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin.

Tambahan pula dengan masalah pentadbiran baitulmal yang tidak cekap dan tidak sistematik. Hal ini berkaitan dengan elemen kawalan dalaman merupakan salah satu aspek penting dalam menguruskan institusi wakaf termasuklah institusi-institusi lain bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia. Elemen yang terdapat dalam kawalan dalaman ialah persekitaran kawalan, aktiviti kawalan, pemantauan, maklumat dan komunikasi serta penilaian risiko. Kesemua elemen ini merupakan alat untuk mengawal pengurusan sesebuah institusi ke arah yang lebih baik. Menurut Mahmood (2017), elemen yang dikenalpasti yang menjadi cabaran buat institusi wakaf adalah menerusi aspek pemberian latihan tidak menyeluruh bagi semua jabatan. Hal ini kerana sebahagian sahaja jabatan yang masih mengekalkan Latihan bagi kakitangan mereka walaupun keperluan Latihan kepada pekerja telah dimansuhkan. Menurut Mutalib (2016), mutawalli dalam institusi wakaf di bahagian utara berhadapan dengan kekurangan latihan dan Pembangunan dalam menguruskan harta wakaf.

Selain daripada itu, terdapat jurang yang mana para ilmuan agama ingin mempraktikkan wakaf dan menggalakkan orang ramai melakukan wakaf tetapi tidak dapat mengetahui cara bagaimana ia perlu diakaunkan menurut penyata kewangan. Menurut Puad (2014), antara kekangan yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah kekurangan tenaga pakar dalam aspek teknikal dan profesional. Tenaga pakar ini merangkumi bidang perakaunan, syariah, perundangan, pelaburan dan Pembangunan tanah. Pengurusan wakaf akan mengalami cabaran sekiranya kekurangan kakitangan yang mahir untuk melakukan tugas-tugas dan memberi idea yang berkaitan dengan bidang tersebut. Justeru, ahli akaun perlu membantu untuk menyelesaikan isu ini seterusnya memberikan manfaat wakaf kepada semua dengan memberikan cadangan dalam pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan buat wakaf bertempoh dalam penyata kewangan.

Persoalan Kajian:-

Terdapat beberapa persoalan yang diwartakan di sini iaitu:

1. Apakah pandangan 4 Mazhab berkaitan wakaf umum dan wakaf bertempoh?
2. Apakah halangan terhadap wakaf bertempoh di Malaysia?
3. Apakah masalah wakaf bertempoh dalam perakaunan?

Objektif Kajian:-

Objektif daripada kajian bagi menjawab persoalan kajian tersebut iaitu:

1. Mengenalpasti hukum bersesuaian berkenaan pelaksanaan Wakaf bertempoh di Malaysia.
2. Mengenalpasti halangan wakaf bertempoh yang wujud di Malaysia.
3. Menentukan titik pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan wakaf bertempoh dalam penyata kewangan.

Metodologi:-

Penyelidikan ini akan menggunakan metodologi kajian berasaskan kaedah kajian kualitatif. Menurut Taylor, Bogdan, & DeVault (2015) kaedah kajian kualitatif merujuk kepada satu kaedah pengertian yang luas untuk kajian yang menghasilkan data deskriptif yang terhasil daripada kenyataan sesuatu individu sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan, pemerhatian kepada sifat serta tingkah lakunya. Jonny Saldana (2011) menyatakan bahawa kajian kualitatif ini adalah satu pendekatan untuk mengkaji satu fenomena terhadap kehidupan sosial semulajadi. Kenyataan ini bermaksud bahawa kaedah ini digunakan untuk menilai karya intelektual yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh akademik dan para cendekiawan, sama ada dalam bentuk penulisan atau rakaman suara. Justeru, kajian ini menerapkan kaedah kajian kualitatif adalah untuk mengkaji dokumen bertulis daripada para fuqaha' yang terdahulu berkenaan wakaf ahli bertempoh, serta pengaplikasiannya di dalam Enakmen/Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri di Malaysia.

Selain itu, kajian ini mengadaptasi kaedah kajian dokumentari dengan tujuan untuk mendapatkan serta mengumpulkan data melalui dokumen-dokumen, kajian lepas, dan terbitan rakaman (Neely & Ponshumugam, 2019). Dalam kajian ini terdapat kajian daripada sumber primer iaitu Enakmen/Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri. Ia dianggap sebagai sumber primer kerana ianya adalah muktamad serta sumber asas dan asal. Manakala kajian ini juga menggunakan sumber sekunder yang terdiri daripada jurnal artikel, buku-buku fiqh tradisional dan kontemporari, dan dokumen bertulis, kajian perpustakaan yang sesuai dengan tema kajian ini.

Maklumat dan data dalam kajian ini dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan. Menurut Lac (2016), tujuan utama kaedah ini diadaptasikan dalam kajian adalah untuk mengklasifikasi, menilai, dan mengkaji semua data secara sistematik dan bersasar. Kaedah ini digunakan untuk menganalisa semua data yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder. Memandangkan kajian ini bersifat kualitatif, maka semua data yang diperolehi akan dianalisa melalui kaedah induktif dan deduktif. Melalui kaedah ini, data dapat disusun serta data dapat diklasifikasikan dengan cara yang sistematik.

Selain itu kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam dengan beberapa responden berkaitan wakaf seperti Timbalan Eksekutif Wakaf Negeri di Selangor, Pengurus Wakaf di Yayasan Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia. Timbalan Eksekutif Wakaf Negeri di Selangor dan Pengurus Wakaf di Yayasan Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia. Menurut Patton (1990), terdapat tiga jenis teknik temubual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal, temu bual terbuka. Manakala menurut Fontana dan Frey (1994) dan Merriem (1998) juga turut menyatakan bahawa terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur untuk bertanyakan soalan. Menurut Merriem (1998) temu bual separa berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya dengan lebih santai tanpa terikat.

Kerangka Teori:-

Dalam menghasilkan kajian ini, teori pihak berkepentingan (theory stakeholder) telah dipilih dan digunapakai. Teori Pihak Berkepentingan ialah pandangan kapitalisme yang menekankan hubungan yang saling berkaitan antara perniagaan dan pelanggan, pembekal, pekerja, pelabur, komuniti dan lain-lain yang mempunyai kepentingan dalam organisasi. Teori pihak berkepentingan mentakrifkan pihak berkepentingan sebagai mana-mana kumpulan atau individu yang boleh menjejaskan atau terjejas oleh pencapaian objektif organisasi itu (Freeman 1984; Loi 2016).

Teori pihak berkepentingan merangkumi semua pihak yang berkepentingan, termasuk yang pelabur semasa dan berpotensi, pelanggan, pemiutang, pekerja, pembekal, kerajaan, dan masyarakat (Donaldson & Preston 1995). Teori pihak berkepentingan menyediakan hak untuk semua pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti organisasi dan kesannya terhadap kepentingan mereka, walaupun mereka memilih untuk tidak menggunakan maklumat tersebut atau tidak mempunyai kuasa untuk memainkan peranan yang membina di dalam organisasi itu (Deegan, 2006).

Teori ini berpendapat bahawa firma harus mencipta nilai untuk semua pemegang kepentingan, bukan hanya pemegang saham. Menurut Deegan (2006) dan kajian daripada Qu & Leung (2006) serta Loi (2016), konsep pihak berkepentingan membayangkan bahawa pelbagai kumpulan pihak berkepentingan seperti pemegang saham, pekerja, pemiutang, pembekal, pelanggan, kerajaan dan masyarakat tempatan boleh mempunyai kepentingan dalam aktiviti-aktiviti dan tingkah laku suatu organisasi itu. Menurut Deegan (2006), teori pihak berkepentingan telah digunakan untuk menerangkan pendedahan sukarela di dalam pendedahan tanggungjawab sosial korporat syarikat tertentu. Menurut Matten, Crane dan Chapple (2003), teori pihak berkepentingan boleh dianggap sebagai "satu proses yang perlu dalam menjelaskan tanggungjawab sosial korporat." Pada dasarnya, teori pihak berkepentingan berpendapat bahawa syarikat-syarikat yang tidak diuruskan untuk kepentingan para pemegang saham sahaja, tetapi terdapat pelbagai pihak yang berkepentingan lain yang mempunyai kepentingan yang sah dalam syarikat itu juga, iaitu kumpulan yang mendapat manfaat daripada atau teraniya olehnya atau yang hak akan terjejas sama ada positif atau negatif (Matten, Crane & Chapple 2003).

Teori pihak berkepentingan mewujudkan tanggungjawab organisasi untuk mendedahkan secara sukarela dan setelah mungkin maklumat tentang aktiviti intelektual, sosial, dan alam sekitar selain dari pendedahan yang diwajibkan oleh undang-undang (James Guthrie, Richard Petty & Federica Ricceri 2006; Lahouel, Peretti & Autissier 2014). Hal ini kerana ia melibatkan tanggungjawab sosial yang mana keputusan yang dibuat oleh syarikat boleh memberi kesan dan impak kepada pemilik, pengguna, pekerja dan alam sekitar. Pemilik tersebut bukan sahaja mendapat pahala akan tetapi juga tidak hilang pemilikan terhadap harta tersebut secara kekal kerana ianya tidak diberikan secara kekal bahkan hanya secara sementara. Pekerja juga boleh mengambil kesempatan untuk membangunkan harta wakaf tersebut seperti pusat tuisyen, pusat pengajian al-Quran atau penempatan anak yatim dan boleh menjalankan perniagaan di tempat yang diwakafkan di samping banyak manfaat yang boleh diperolehi oleh orang ramai yang menggunakan harta wakaf tersebut walaupun hanya untuk beberapa tempoh masa.

Tinjauan Literatur:-

Definisi Wakaf Umum

Definisi Wakaf Dari Sudut Bahasa

Menurut Ibrahim, Muntasir, Atiyyah, & Muhammad (2004), perkataan wakaf berasal daripada Bahasa Arab iaitu al-waqf yang merupakan kata terbitan (maşdar) bagi kalimah waqafa. Kajian daripada Abbasi (2012) dan Abd Al-Rauf (1990) mendefinisikan wakaf atau al-waqf dari sudut bahasa ialah menahan, berhenti, dan menghalang. Dikatakan "saya mewakafkannya", membawa maksud saya menahannya dari digunakan. Berdasarkan daripada definisi wakaf dari sudut bahasa ini, wakaf mempunyai pelbagai maksud dan ianya bergantung pada penggunaannya mengikut konteks ayat. Walau bagaimanapun, menurut kajian daripada Al-Jurjani (1982), Al-Zuhaili (1984) dan Nazih Hammad (2008), para fuqaha' bersepakat maksud wakaf dari sudut bahasa ialah menahan atau juga dikenali sebagai al-ḥabs.

Definisi Wakaf Dari Sudut Istilah

Definisi wakaf menurut istilah, kajian daripada Al-Zuhayli (1995), wakaf bermaksud menahan harta benda yang kekal 'ainnya (zatnya) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan dan diserahkan ke tempat atau pihak yang ditentukan. Ia terhalang daripada digunakan secara berleluasa terhadap benda yang diwakafkan dan dimanfaatkan itu, dengan harapan perbuatan tersebut dapat mendekatkan dirinya kepada Allah s.w.t. Di sini jelaslah bahawa, menurut definisi istilah kajian daripada Al-Zuhayli (1995), wakaf ialah menahan harta benda yang kekal zatnya (ain) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan dan diserahkan ke tempat atau pihak yang ditentukan serta terhalang daripada digunakan secara berleluasa terhadap benda yang diwakafkan itu, dengan harapan ianya dapat mendekatkan dirinya kepada Allah SWT. Selain itu, terdapat pelbagai definisi wakaf yang diberikan oleh para ulama' sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1:- Definisi Wakaf Daripada Pandangan 4 Mazhab.

Mazhab	Definisi
Mazhab Syafi'iy	Menurut Al-Baghawi (1998) wakaf ialah menahan sesuatu harta yang tertentu daripada harta-harta yang dimiliki serta memutuskan hak pemilikan pewakaf ke atas harta tersebut, dan diberikan manfaat harta tersebut untuk tujuan yang baik dan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Takrifan wakaf daripada kajian Al-Shirbini (2019) ialah menahan sesuatu harta serta boleh dimanfaatkan secara kekal, dengan menggugurkan hak pemilikan dan pengurusan harta itu daripada pewakaf untuk diberikan pada golongan yang diharuskan dan wujud. Ia bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Berdasarkan daripada definisi yang diberikan, didapati bahawa hak pemilikan terhadap harta wakaf itu akan terputus daripada pewakaf dan menjadi milik Allah S.W.T. Maka dapat disimpulkan bahawa mazhab Shafi'iy hanya membenarkan wakaf itu dilakukan secara kekal.
Mazhab Hanbali	Menurut Ibn Qudamah (2005), mazhab Hanbali mentakrifkan wakaf sebagai menahan sesuatu harta atau aset dan menyedekahkan manfaat harta tersebut. Al-Mardawi (1955) pula menyatakan wakaf ialah menahan sesuatu harta yang dimiliki secara penuh yang boleh dimanfaatkan secara kekal, dengan memutuskan hak pemilikan harta itu daripada pewakaf dan selainnya, dan memberikan manfaat atau hasil harta itu untuk perkara kebaikan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Jelaslah di sini bahawa definisi wakaf yang diaplikasikan di dalam mazhab Hanbali mempunyai maksud yang hampir sama dengan mazhab Shafi'iy.
Mazhab Maliki	Al-Dardir (2007) merekodkan bahawa Ibn Abd Al-Salam mendefinisikan wakaf sebagai mensedekahkan manfaat atau hasil daripada harta yang dimiliki walaupun melalui sewaan kepada golongan yang berhak, berdasarkan tempoh yang dikehendaki oleh pewakaf di dalam sighthah. Berdasarkan daripada definisi ini, jelas bahawa mazhab Maliki membenarkan pewakaf mewakafkan manfaat daripada harta yang dimiliki, mewakafkan hasil daripada harta yang dimiliki, dan mewakafkan manfaat harta yang dimiliki dengan sewaan.
Mazhab Hanafi	Menurut kajian daripada Muhammad 'Ubayd al-Kabisi (1977) menyatakan bahawa Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad bin Hassan mentakrifkan wakaf iaitu menahan sesuatu harta di bawah kekuasaan Allah SWT, di mana hak milik si pewakaf akan berpindah kepada Allah SWT dan hasil daripada harta tersebut digunakan untuk kebaikan orang ramai. Harta wakaf hendaklah digunakan pada jalan-jalan kebajikan atau perkara-perkara makruf kerana harta tersebut akan bertukar menjadi milik Allah SWT.

Sumber: Mohd Saharudin bin Shokrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor, Jamal Ali (2003)

Syarat Wakaf

Wakaf harta akan menjadi sempurna (sah) apabila syarat wakaf dipenuhi seperti berikut (JAWHAR 2006):

1. Wakaf hendaklah dilakukan secara kekal tanpa dihadkan untuk tempoh tertentu
2. Bagi wakaf khas, tujuan dan maksud wakaf hendaklah dinyatakan dengan jelas dan wakaf menjadi tidak sah jika tidak dinyatakan tujuan dan maksudnya.
3. Harta yang telah diwakafkan berkuat kuasa serta merta, tidak boleh ditarik balik, tidak boleh diubah tujuannya dan tidak boleh tertakluk kepada syarat lain sebaliknya, kecuali melalui pelaksanaan wakaf istibdal.

Aset wakaf juga menjadi suatu rukun wakaf iaitu disebut 'mawquf' yang mana antara syarat aset atau harta yang boleh diwakafkan mestilah harta yang halal, milik sah pewakaf, boleh memberi manfaat dan boleh dipindah milik (Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015). Rukun wakaf menurut jumah ulama (Maliki, Syafi'iy dan Hanbali) terbahagi kepada empat (JAWHAR 2009) iaitu:

1. Pewakaf (al-waqif) iaitu orang yang mewakafkan harta wakaf;
2. Harta yang diwakafkan (al-mawquf)
3. Penerima manfaat wakaf (al-mawquf alaihi), iaitu orang yang menerima manfaat harta wakaf sama ada penerimanya orang tertentu (ma'ayyan), atau penerimanya bukan tertentu (ghayr mu'ayyan) seperti fakir miskin, anak yatim, masjid, sekolah dan sebagainya
4. Pernyataan wakaf (al-sighthah), iaitu lafaz yang diucapkan oleh waqif yang terdiri daripada ijab (tawaran) dan qabul (penerimaan), dan sama ada dalam bentuk soreh (jelas) atau kinayah (sindiran).

Definisi Wakaf Muaqqat

Menurut Abu Jaib (1988) dan Ibn Manzur (2007) wakaf bertempoh atau al-waqf al-muaqqat merupakan gabungan dua perkataan iaitu wakaf dan bertempoh. Dalam bahasa Arab perkataan bertempoh dikenali sebagai al-muaqqat atau al-ta'qīt. Perkataan al-muaqqat ini berasal daripada kalimah aqqata yang didefinisikan sebagai satu perkara yang diletakkan tempoh waktu. Al-Jurjani (1982) mentakrifkan al-waqf sebagai satu situasi yang menunjukkan keadaan semasa tanpa mengaitkan ia dengan masa lalu atau masa depan. Ibn Manzur (2007) mendefinisikan al-ta'qīt dan al-tauqīt sebagai meletakkan serta menyatakan had waktu yang tertentu ke atas satu pekerjaan, perbuatan, atau perkara. Sebagai contohnya, menyatakan satu tempoh waktu yang tertentu untuk menyiapkan sesuatu pekerjaan. Di sini jelaslah bahawa maksud al-ta'qīt sebagai sesuatu perkara yang terikat dengan tempoh waktu tertentu dengan memberitahu masa bermula dan tamat perkara tersebut.

Definisi wakaf bertempoh tidak dibincangkan secara spesifik dan tertumpu oleh para fuqaha' tradisional dan moden. Walaupun begitu, mazhab Maliki ada menyatakan definisi berkaitan wakaf secara bertempoh. Qahf (2000) mendefinisikan wakaf menurut pendapatnya sebagai menahan sesuatu harta secara kekal dan bertempoh untuk dimanfaatkan harta atau hasilnya secara berulang kali untuk tujuan kebaikan sama ada secara khusus atau am.

Menurut kajian daripada Al-Zuhaili (1984), Muhamad Firdaus (2017) dan Qahf (2000), pengaplikasian wakaf bertempoh mempunyai dua pendapat daripada para fuqaha'.

Mengikut pendapat yang pertama iaitu wakaf hanya sah dilaksanakan secara berkekalan. Jika pewakaf mewakafkan hartanya dan mengikat ia dengan satu jangka masa yang tertentu, maka wakaf itu tidak sah. Hal ini kerana para fuqaha' telah bersependapat bahawa syarat sah wakaf adalah kekal berpandukan daripada hadith yang menceritakan tentang wakaf Saidina Umar Al-Khattab R.A tidak boleh dijual beli, diwarisi, dan dihibahkan. Hal ini juga diterangkan dalam kajian yang buat oleh Al-Haskafi (2002), Al-Shirbini (1997) dan Ibn Qudamah (2005) yang mengatakan wakaf hanya sah dilaksanakan secara berkekalan adalah pendapat jumhur ulama iaitu mazhab Hanafi, Shafi'iy, dan Hanbali.

Pendapat kedua pula menyatakan bahawa wakaf adalah sah sama ada dilakukan secara berkekalan atau bertempoh. Jika pewakaf mewakafkan hartanya untuk satu tempoh tertentu untuk tujuan selain daripada masjid, maka wakafnya adalah sah. Menurut Ab Rahman & Amanullah (2017) dan Al-Dardir (2007), fuqaha' yang berpegang pada pendapat ini mengatakan bahawa berkekalan bukanlah syarat sah wakaf. Menurut Alish (1979), Al-Dusuki (1934) dan Al-Kashnawi (1986) Rasulullah SAW memberi Saidina Umar R.A untuk membuat sebarang pilihan dengan mengatakan "jika engkau mahu" dan ini merupakan pendapat muktamad mazhab Maliki.

Kajian ini lebih cenderung kepada pendapat yang kedua iaitu pendapat mazhab Maliki yang membenarkan pelaksanaan wakaf sama ada secara kekal atau bertempoh. Justeru ini adalah bersesuaian dengan keadaan dan keperluan pada masa kini yang berbeza jika dibandingkan dengan masa lalu. Selain itu, wakaf bertempoh adalah lebih fleksibel dan mampu untuk mengembangkan fungsi wakaf dengan lebih luas serta dapat merealisasikan masalah wakaf kepada seluruh manusia.

Amalan Wakaf Bertempoh Di Malaysia

Menurut M. Firdaus & Amanullah (2016), negeri-negeri di Malaysia mengenakan mazhab Shafi'iy dalam hal perundangan Islam termasuklah wakaf. Menurut mazhab Shafi'iy, wakaf hanya sah dan hendaklah dilakukan secara kekal tanpa dihadkan untuk tempoh tertentu.

Al-Nawawi (2008) menjelaskan bahawa kontrak daripada wakaf tidak sah sekiranya pewakaf menghadkan wakaf untuk tempoh tertentu. Namun begitu, terdapat juga negeri tertentu yang membenarkan wakaf sementara seperti di negeri Terengganu, Wilayah Persekutuan, Johor, dan Sarawak. Ini boleh dirujuk dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri bagi wakaf muaqqat (bertempoh) sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: - Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri bagi wakaf muaqqat (bertempoh).

No	Enakmen	Kenyataan
1	Seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993	"Wakaf khas" ertinya wakaf yang berkekalan atau bagi suatu tempoh terhad atas modal harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang berpendapatan daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu
2	Seksyen 18 (2) (c) Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016	"Seseorang pewakaf boleh mewujudkan suatu wakaf irsod, wakaf muabbad, wakaf muaqqat, wakaf musya atau wakaf musytarak ke atas mana-mana atau keseluruhan hartanya. "Wakaf muaqqat" ertinya sesuatu penyerahan wakaf untuk suatu tempoh masa tertentu."
3	Seksyen 2 Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001	"Wakaf khas" ertinya wakaf yang berkekalan atau bagi suatu tempoh terhad atas modal harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang berpendapatan daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu
4	Seksyen 17 Kaedah-Kaedah Wakaf (Johor) 1983	Wakaf masjid dan wakaf kerana masjid adalah muabbad dan wakaf yang lain daripada masjid dan kerana masjid dan wakaf yang lain daripada wakaf ahli harus muabbad dan harus muaqqat dan sekiranya diitlakkan maka wakaf itu menjadi muabbad ataupun wakaf ahli adalah muaqqat yang tidak lebih masanya dari 60 tahun dari tarikh mati waqif atau dua keturunan tidak termasuk pewakaf (al-waqif).

Sumber: Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalili, Muhamad Firdaus Ab Rahmanii, Hussein Azeemi Abdullah Thaidiiii, Azman Ab. Rahman (2021)

Daripada peruntukan yang dinyatakan di atas, ia menunjukkan bahawa wakaf sementara telah dibenarkan di negeri-negeri tertentu di Malaysia walaupun mazhab Shafi'iy hanya membenarkan wakaf berkekalan.

Pelaporan Dan Pendedahan Dalam Wakaf

Sejak zaman Nabi Muhammad SAW, munculnya institusi wakaf yang terkemuka sebagai salah satu institusi kewangan Islam. Institusi ini memainkan peranan penting sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi masyarakat Islam yang selari dengan kehendak maqasid syariah (Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, 2018). Menurut Mohamad Akram Laldin & Hafas Furqani (2012), konteks wakaf berada di bawah perlindungan kekayaan di dalam maqasid syariah dan umat Islam perlu memelihara, menjaga dan mengurus pembangunan ekonomi dan kewangan selari dengan undang-undang syariah termasuk pengurusan wakaf. Dapatan daripada Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin (2018), wakaf telah dianggap sebagai salah satu mekanisme penciptaan dan pengagihan kekayaan yang dikembangkan berdasarkan ajaran dan prinsip Islam. Wakaf juga mempunyai prospek yang besar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat pada masa kini.

Di Malaysia, penubuhan institusi wakaf dikendalikan dan dipantau oleh negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Setiap negeri diberi kuasa untuk menguruskan kegiatan wakafnya berdasarkan perundangan dan prosedur negeri itu sendiri. Menurut Noorhayati Mansor, Amira Jamil & Asniati Bahari (2017), pihak kerajaan persekutuan telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji yang dikenali sebagai JAWHAR pada tahun 2004 untuk menyelaraskan pentadbiran dan memantau keberkesanan dan kecekapan pentadbiran semua institusi wakaf di setiap negeri, sekali gus dapat meningkatkan pengurusan kekayaan Muslim dalam bentuk pemberian wakaf, zakat, kewangan, dan haji, pengurusan dan pembangunan di setiap negeri di Malaysia. Noorhayati Mansor, Amira Jamil & Asniati Bahari (2017) menjelaskan bahawa terdapat perbezaan dalam amalan pelaporan wakaf. Hal ini kerana terdapat perbezaan dalam bentuk undang-undang entiti (Rosnia Masruki & Zurina Shafii, 2013).

Nori Yani Abu Talib, Radziah Abdul Latiff, Aini Aman & Mohd Rizal Palil (2018) menyokong hal ini dengan mendedahkan bahawa terdapat kekurangan sistem perakaunan dan pengurusan aset wakaf secara sistematik dan tidak adanya prosedur bertulis untuk merekod urus niaga kewangan aset wakaf. Menurut Hairul Suhaimi Nahar &

Hisham Yaacob (2011), piawaian perakaunan umum seperti Piawaian Perakaunan Antarabangsa “International Accounting Standards” (IAS) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa “International Financial Reporting Standards” (IFRS), dan juga piawaian pelaporan Islam seperti Piawaian Perakaunan Kewangan “Financial Accounting Standard” (FAS) yang dikeluarkan oleh Organisasi Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam “Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions” (AAOIFI) dan standard pelaporan Islam tempatan seperti Pelaporan Kewangan untuk Institusi Perbankan Islam “Financial Reporting for Islamic Banking Institutions” (FRIBI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan “Technical Release” (Tri-3).

Pembentangan Penyata Kewangan Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia “Malaysian Accounting Standard Board” (MASB) tidak sepenuhnya sesuai terutamanya untuk pelaporan wakaf. Oleh itu, kebergantungan hanya pada perakaunan semasa dan piawaian pelaporan untuk pelaporan wakaf terbukti bermasalah kerana ia mendorong untuk mengukur prestasi berdasarkan nombor kewangan yang tidak mencukupi untuk institusi wakaf (Hairul Suhaimi Nahar & Hisham Yaacob, 2011).

Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, R Masruki & MM Hanfah (2018) mengatakan terdapat keperluan untuk pelaporan wakaf yang lebih komprehensif untuk memastikan maklumat kewangan dan bukan kewangan disampaikan dengan tepat kepada pihak berkepentingan wakaf secara berkesan dan telus. Maklumat yang diungkapkan adalah apa yang diinginkan oleh pihak berkepentingan daripada yang ingin diungkapkan oleh mutawalli (pengurus wakaf). Untuk kekal relevan dan dipercayai, organisasi bukan berasaskan keuntungan termasuk institusi wakaf perlu mempunyai kemampuan dalam menilai dan mengukur prestasi mereka sendiri (Medina-Borja & Triantis, 2006). Ini disebabkan oleh hubungan positif antara aktiviti pengumpulan dana dengan prestasi dan impak termasuk wakaf (Jamaliah Said, Azizah M., Zuraidah M. S., & Sharifah Norzehan S.Y. 2013; Maliah Sulaiman, Siti Alawiah S., & Shahul Hameed M. I. 2008; Siciliano, 1996).

Pendedahan menurut perspektif Islam merupakan satu amanah yang menuntut sesebuah organisasi untuk melakukan pengungkapan, sama ada yang bersifat wajib (mandatory) mahupun sukarela (voluntary). Menurut Zhou & Panbunyuen (2008) Pendedahan yang bersifat sukarela bergantung kepada sesebuah organisasi sama ada untuk memasukkan maklumat tambahan atau tidak memasukkan maklumat tersebut dalam sesebuah laporan kewangan. Saleem Marsoof (2004) menyatakan bahawa terdapat beberapa situasi yang berkaitan organisasi kebajikan yang menimbulkan keperluan terhadap pelaporan dan ada di antara penulis dan penyelidik yang memberi perhatian kepada perakaunan wakaf, ada di antara mereka telah mengambil kira kepentingan laporan dan ketelusan institusi wakaf. Aktiviti pendedahan maklumat harus memenuhi 5 ciri. Pertama ialah bermanfaat (almanfa’ah) iaitu maklumat-maklumat perakaunan yang didedahkan harus memberikan manfaat kepada orang-orang yang menggunakannya. Kedua, jelas (al-wuduh) iaitu dapat memberikan manfaat, maklumat harus jelas. Ketiga, komprehensif (al-shumuliyah) iaitu maklumat harus komprehensif, mencakupi seluruh maklumat wakaf.

Keempat, sesuai (al-mula’amah) iaitu maklumat harus sesuai dengan orang-orang yang menggunakannya seterusnya mereka boleh memahaminya bagi membantu memenuhi tujuan mereka yang tersendiri. Kelima, dipercayai (al-tawthiq) yang bermaksud maklumat-maklumat harus bersumberkan dari sumber-sumber yang dipercayai.

Mfrs 16 Pajakan

Pajakan didefinisikan sebagai kontrak atau sebahagian daripada kontrak, yang membenarkan satu pihak menggunakan aset tersebut untuk beberapa tempoh dengan sejumlah bayaran sebagai balasan. Pajakan mempunyai dua jenis jangka masa iaitu pajakan jangka pendek dan jangka panjang. Pajakan juga adalah urusaniaga yang amat terkenal pada masa kini sebagai ganti kepada pembelian aset seperti pajakan kapal pengangkutan, satelit, komputer dan pelbagai lagi. Segala transaksi berkaitan dengan pajakan akan tertakluk kepada MFRS 16 Pajakan (Leases).

Menurut Para 9 (Rujuk B9 – B31), pada tarikh permulaan urus niaga, entiti perlu menentukan sama ada kontrak urus niaga adalah pajakan atau tidak. Satu kontrak adalah pajakan apabila ia memberi hak kepada entiti lain untuk mengawal penggunaan satu aset yang dikenalpasti, untuk beberapa tempoh masa dengan bayaran tertentu. Aset juga harus dikenal pasti sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak atau wujud semasa digunakan. Begitu juga dengan pemberitahuan tempoh masa yang boleh juga dikaitkan dengan unit pengeluaran sesuatu aset. Terdapat juga pengecualian kepada pemajak (lessee) untuk tidak merekodkan kontrak sebagai pajakan, apabila (para 5) iaitu tempoh pajakan jangka pendek dan nilai aset yang berkaitan adalah rendah.

Pengiktirafan awal bagi pemajak iaitu pada Tarikh permulaan, pemajak perlu mengiktiraf (para 22) iaitu hak-menggunakan (aset) dan liability pajakan pada nilai kos. Keperluan dalam pembentangan dan pendedahan IFRS 16 untuk pemajak adalah luas. Antara keperluan yang penting untuk didedahkanialah termasuk:

1. Susut nilai dan perbelanjaan faedah (perbelanjaan faedah boleh didedahkan dalam kos kewangan).
2. Perbelanjaan berkaitan dengan pajakan jangka pendek.
3. Perbelanjaan yang berkaitan dengan aset bernilai rendah.
4. Aset hak guna (didedahkan secara berasingan daripada aset lain, sama ada dalam penyata kedudukan kewangan atau nota).
5. Liabiliti pajakan (didedahkan secara berasingan daripada liability lain, sama ada dalam penyata kedudukan kewangan atau nota).
6. Penyata pendedahan aliran tunai bagi komponen utama liabiliti pajakan, faedah mengenai liabiliti pajakan dan pembayaran pajakan jangka pendek, dan pembayaran untuk aset bernilai rendah.

Pengiktirafan

Di sini membincangkan kriteria pengiktirafan dan asas pengukuran aset dalam Islam. Perbincangan ini menggunakan kerangka kerja konseptual IPSASB (2014) serta MPSAS sebagai rujukan asas yang telah menjadi rujukan yang lazim atau mainstream dalam bidang perakaunan. Majlis Penasihat Syariah (MPS) di Bank Negara Malaysia (BNM) membuat pertimbangan terhadap beberapa kaedah fiqh dalam mengaplikasikan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam sebagai asas pertimbangan kepada prinsip pengiktirafan terhadap istilah dan terminologi 'aset', 'hasil', 'belanja', 'liabiliti' dan 'ekuiti', mengikut syarak yang juga menjadi teras kepada pelaporan kewangan Islam.

Menurut Bank Negara Malaysia (2010), kaedah kemungkinan yang kuat (zan al-ghalib) boleh diambil kira di samping keharusan menggunakan beberapa kaedah fiqh yang berkaitan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam iaitu antaranya (1) al- Aslu as-Sihah (asal sesuatu itu adalah sah); (2) al- 'Ibrah lil ghalib as-Sya 'i la linnadir (pertimbangan adalah kepada kebiasaan yang meluas dan bukan pada yang terpencil); (3) ma qaraba as-Syai' yu'tho hukmah (apa-apa yang hampir kepada sesuatu itu, maka ia mengambil hukum yang sama); dan (4) az-Zhon wajib al-ittiba' (kebarangkalian hendaklah diikuti).

Takrif Aset

Takrif atau definisi aset dari perspektif perakaunan adalah seperti yang dikemukakan oleh Kerangka Kerja Konseptual Untuk Pelaporan Kewangan Bertujuan Umum oleh Entiti Sektor Awam (The Conceptual Framework for General Purpose Financial Reporting by Public Sector Entities) yang diterbitkan oleh International Public Sector Accounting Standard Board atau nama singkatannya IPSASB. Menurut Kerangka Kerja Konseptual Untuk Pelaporan Kewangan Bertujuan Umum oleh Entiti Sektor Awam (IPSASB 2014), aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti hasil daripada peristiwa lampau. Dalam konteks aset wakaf, al-Zakarsy (1995) menyatakan aset wakaf adalah 'ain atau zat harta wakaf (mawquf) adalah tertahan di atas hukum milik Allah SWT dan manfaatnya perlu diagihkan untuk tujuan kebajikan sesuai dengan tujuan wakaf.

Kaedah ini penting dalam konteks aset wakaf kerana ia berkait dengan niat pewakaf dalam mewakafkan sesuatu 'ain aset (mawquf) sama ada menjadi wakaf ahli atau khairi, wakaf am atau khas serta niat manfaat mawquf untuk penerima yang umum atau khas. Niat pewakaf akan memberi kesan yang besar kepada perakaunan aset wakaf tersebut sama ada ia bakal dikelaskan sebagai ekuiti, liabiliti dan sebagainya. Dalam mengakaunkan aset wakaf, ia akan juga melibatkan pengiktirafan elemen hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti berkaitan aset wakaf yang diiktiraf.

Takrif Hasil

Takrif hasil menggunakan IPSASB (2014) dan SOPi sebagai asas takrif secara ringkasnya takrif hasil yang dicadangkan menurut syarak ialah peningkatan manfaat ekonomi oleh entiti melalui transaksi dan kontrak yang patuh syariah yang menyebabkan peningkatan dalam ekuiti, selain yang berkaitan dengan sumbangan yang telah ditetapkan tujuan atau niat oleh penyumbang dan wujud daripada hasil pertukaran dan hasil bukan pertukaran bagi membezakan antara hasil pertukaran dengan bukan pertukaran, inti pati urus niaga dan bukannya bentuk urus niaga yang perlu dipertimbangkan. Takrif ini juga disokong dengan takrif hasil (iradat) yang telah dibincangkan dalam buku perakaunan Islam berdasarkan takrifan oleh Syuhatah (1987), Atiyyah (1989) dan al-Hiyali (2007). Oleh itu, takrif hasil ini adalah sesuai untuk diaplikasikan kepada elemen hasil (manfaat) daripada wakaf am dan khas yang tidak ditentukan tujuannya.

Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

Menurut MPSAS 9, urus niaga pertukaran ialah urus niaga apabila sebuah entiti menerima aset atau perkhidmatan atau liabiliti dilangsaikan dan secara langsung memberikan nilai yang hampir sama (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran. MPSAS 9 telah membahagikan hasil daripada urus niaga pertukaran kepada tiga komponen utama, iaitu hasil:

1. Penyediaan perkhidmatan
2. Jualan barangan
3. Penggunaan aset entiti oleh pihak lain yang menghasilkan faedah, royalti dan dividen atau pengagihan yang serupa.

Ketiga-tiga komponen hasil ini akan dikaji di setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk memastikan bagaimana hasil ini diiktiraf, diukur dan didedahkan terutama yang melibatkan Kumpulan Wang Wakaf.

Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Menurut MPSAS 23, hasil daripada urus niaga bukan pertukaran berlaku apabila sesebuah entiti menerima sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan. Dua item utama yang dibincangkan dalam MPSAS 23 adalah cukai dan pindahan. Cukai ialah manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang wajib dibayar atau mesti dibayar kepada entiti sektor awam, menurut undang-undang dan/atau peraturan, yang diwujudkan untuk mendatangkan hasil kepada kerajaan. Manakala, pindahan pula ialah aliran masuk manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan daripada urus niaga bukan pertukaran, selain cukai. Ini termasuklah derma, sumbangan dan denda. Pindahan tidak selalunya bebas daripada syarat.

Dalam beberapa keadaan, terdapat syarat pindahan, umpamanya “ketetapan”, “syarat ke atas aset yang dipindah” dan “sekatan ke atas aset yang dipindah” (MPSAS 23). Ketetapan ke atas aset yang dipindah ialah syarat dalam undang-undang atau peraturan atau kontrak yang dikenakan ke atas penggunaan aset yang dipindah oleh entiti luar kepada entiti pelaporan.

Syarat ke atas aset yang dipindah ialah ketetapan yang menyatakan bahawa manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan yang terkandung dalam aset hendaklah digunakan oleh penerima seperti yang ditentukan atau manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan itu mesti dipulangkan kepada pemindah.

Perolehan harta wakaf (selain zakat dan lain-lain sumbangan ke baitulmal) merupakan perolehan daripada urus niaga bukan pertukaran. Walau bagaimanapun, MPSAS 23 tidak membincangkan secara khusus hasil zakat, wakaf dan baitulmal.

Takrif Belanja

Takrif belanja menggunakan IPSASB (2014) dan SOPi sebagai asas, cadangan takrif ‘belanja’ menurut syarak ialah pengurangan dalam kedudukan kewangan bersih entiti melalui transaksi/kontrak yang patuh syariah dan penyaluran manfaatnya kepada penerima yang dimaksudkan.

Takrif Liabiliti

Ini merujuk kepada IPSASB 2014 dan SOPi sebagai asas dan melihat kepada takrif liabiliti oleh al-Hiyali (2007), takrif liabiliti yang dicadangkan ialah obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber daripada entiti dan obligasi ini wujud disebabkan oleh tuntutan syarak. Takrif liabiliti yang dicadangkan adalah memasukkan elemen ‘obligasi yang timbul disebabkan oleh tuntutan syarak’ kerana ia adalah suatu bentuk tanggungan yang wajib dilunaskan secara khusus oleh Institusi MAIN sebagai pemegang amanah harta umat Islam. Hal ini berhubung kewajipan yang digariskan oleh hukum-hukum syarak secara spesifik seperti tunai daripada urus niaga istibdal perlu segera ditukar kepada aset tetap (jika ‘ain terletak pada aset secara fizikal).

Selain itu, tanggungan juga wujud untuk menyempurnakan niat pewakaf bagi wakaf hartanah khas (niat pewakaf dinyatakan dalam sighth dan sighth merupakan salah satu rukun wakaf), maka ia merupakan suatu liabiliti bagi institusi MAIN selagi mana niat pewakaf belum disempurnakan. Begitu juga dengan elemen manfaat wakaf khas yang telah ditentukan tujuan, maka wujudnya obligasi kepada MAIN untuk melaksanakan tujuan bagi manfaat wakaf tersebut. Ia adalah penting untuk memenuhi dan menterjemahkan objektif pelaporan kewangan yang

berlandaskan syarak bagi memenuhi akauntabiliti kepada Allah SWT dan juga kepada manusia dengan lebih berkesan.

Pendedahan

Pembentangan dan pendedahan maklumat adalah perlu untuk menghubungkan mesej utama dalam laporan kewangan dan mencapai tahap keperluan pertama (dharuriyyah) mengikut maqasid syari'ah. Prinsip pendedahan yang dibincangkan dalam seksyen ini adalah terpakai kepada pendedahan maklumat berkaitan aset wakaf. Selain daripada itu, di dalam pendedahan juga perlu mempunyai enam ciri kualitatif seperti dalam Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan untuk Tujuan Umum yang dikeluarkan oleh IPSASB 2014 iaitu ciri kerelevanan, perwakilan benar, kebolehfahaman, pemasaan, kebolehbandingan dan kebolehsahan.

Menurut perspektif perakaunan Islam, mendedahkan maklumat bertujuan menerangkan tentang kedudukan ekonomi serta membantu membuat keputusan. Justeru, segala maklumat yang didedahkan perlu mempunyai sifat yang relevan, objektif, material serta boleh dipercayai (Haniffa 2004). Walau bagaimanapun, pendedahan sepenuhnya tidak bermaksud bahawa entiti perlu mendedahkan segala-galanya dan tidak praktikal. Ia bermaksud mendedahkan apa-apa maklumat yang dianggap relevan dan harus diberi hak dengan betul kepada ummah bagi memudahkan untuk membuat sebarang keputusan. Selain itu, pihak yang terlibat dalam usaha ekonomi telah memenuhi kontrak (tugas dan kewajipan) mereka kepada Allah SWT, masyarakat, individu dan persekitaran amnya. Pendedahan maklumat terperinci berkaitan wakaf adalah penting bagi tujuan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti institusi mentadbir wakaf sepertimana yang yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3:- Prinsip Pembentangan dan Pendedahan Maklumat di Penyata Kewangan dari Perspektif Islam.

Kerangka IPSASB 2014	Kerangka Syariah
Memenuhi ciri-ciri kualitatif: <ol style="list-style-type: none"> i. Kerelevanan (Relevance) ii. Gambaran Sebenar (Faithful Representation) iii. Boleh Difahami (Understandability) iv. Kekinian (Timeliness) v. Kebolehbandingan (Comparability) vi. Boleh Ditentusahkan (Verifiability) 	Maklumat yang didedahkan mesti mengandungi ciri berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Kerelevanan iaitu maklumat tepat dan menunjukkan pihak terlibat telah memenuhi obligasi kepada Allah S.W.T dan masyarakat. ii. Objektif iaitu maklumat berdasarkan ukuran yang adil dan patuh syariah. iii. Material iaitu maklumat menunjukkan keadilan dalam penilaian dan yang menunjukkan hak Allah, masyarakat dan individu telah dipenuhi. iv. Boleh dipercayai iaitu maklumat yang disediakan adalah bebas dari kesilapan material, jujur tanpa memutarbelitkan pengukuran, proses, dan apa yang didedahkan.

Sumber: IPSASB 2014 dan Haniffa, R., Hudaib, M., & Mirza, A.M (2004)

Menurut Shahul (2000), tujuan utama pendedahan dalam konteks perakaunan Islam adalah untuk menzahirkan akauntabiliti kepada Allah SWT dan juga kepada pihak berkepentingan dari pelbagai golongan dan juga bagi tujuan mencapai keredhaan Allah SWT (Abdul Rahman2017). Justeru, bagi mencapai objektif atau tujuan pendedahan, kriteria kualiti maklumat juga penting untuk dibincangkan dari perspektif syariah. Cadangan item pendedahan adalah maklumat pewakaf, aset yang diwakafkan seperti asset hartanah yang terdiri daripada tanah dan bangunan termasuklah tempoh aset itu diwakafkan.

Hasil Kajian:-

Menurut Anuar Hamzah Bin Tohar iaitu merupakan Timbalan Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor dan Haji Abu Bakar Yang iaitu Pengurus Wakaf Yayasan Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menyatakan bahawa wakaf muaqqat masih belum dilaksanakan oleh mana-mana perbadanan wakaf negeri. Hal ini kerana terdapat banyak perkara yang harus diteliti dan diperhalusi terutamanya dari sudut perekodan dan perundangan. Bagi pihak wakaf Negeri Selangor ada menyatakan bahawa wakaf muaqqat ini harus mendapat persetujuan daripada pihak mufti, oleh kerana negara Malaysia mengamalkan mazhab Syafi'iy yang tidak membenarkan wakaf muaqqat ini dilaksanakan.

Walau bagaimanapun hal ini boleh dipertimbangkan jika terdapat sokongan dan manfaatnya dapat diberikan kepada semua rakyat. Justeru, terdapat cadangan bagi membantu pihak perbadanan wakaf bagi tujuan merekod, menentukan titik pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan wakaf bertempoh dalam penyata kewangan sekiranya ia berjaya dilakukan di Malaysia.

Oleh kerana syarat wakaf bagi harta wakaf akan menjadi sempurna (sah) apabila syarat pewakafan dipenuhi seperti berikut (JAWHAR 2006) iaitu:

1. Wakaf hendaklah dilakukan secara kekal tanpa dihadkan untuk tempoh tertentu
2. Bagi wakaf khas, tujuan dan maksud wakaf hendaklah dinyatakan dengan jelas dan tidak sah wakaf jika tidak dinyatakan tujuan dan maksudnya.
3. Harta yang telah diwakafkan berkuat kuasa serta merta, tidak boleh ditarik balik, tidak boleh diubah tujuannya dan tidak boleh tertakluk kepada syarat lain sebaliknya, kecuali melalui pelaksanaan wakaf istibdal.

Menurut dapatan daripada pihak Perbadanan Wakaf Selangor wakaf muaqqat tidak menepati keseluruhan daripada syarat wakaf di atas iaitu wakaf muaqqat mempunyai tempoh yang ditetapkan untuk had usia guna sesuatu aset tersebut. Oleh yang demikian, hal ini lebih mudah sekiranya terdapat seseorang yang ingin memberi wakaf muaqqat, hartanya akan direkodkan dalam buku senarai aset-aset wakaf muaqqat yang di dalamnya mempunyai butiran yang lengkap mengenai nama pemilik, jenis aset yang ingin diwakafkan beserta tempoh aset itu diwakafkan. Hal ini memudahkan pihak pendaftar wakaf kerana aset daripada wakaf muaqqat tidak boleh dipindah milik kepada perbadanan wakaf negeri kerana aset itu masih milik kekal pewakaf, ia hanya diwakafkan untuk beberapa tempoh masa sahaja. Setelah tempoh ia selesai, pihak pendaftar boleh terus memulangkan aset wakaf kepada pewakaf dengan mengisi butiran dalam buku senarai aset-aset wakaf muaqqat.

Buku Aset-Aset Wakaf Muaqqat.

NAMA PEWAKAF	JENIS ASET	TEMPOH DIWAKAFKAN	TARIKH PEMULANGAN ASET	TANDA TANGAN
Ali	Rumah Teres	5 Tahun	30 Jun 2025	Ali

Akan tetapi, walaupun pihak perbadanan wakaf negeri tidak dapat menukar nama seperti dalam geran bagi aset wakaf tersebut, pihak perbadanan wakaf negeri boleh merekod dan mengiktiraf hasil serta manfaat yang diperolehi daripada aset wakaf tersebut. Manfaat wakaf ialah hasil yang diperolehi daripada penggunaan aset wakaf contohnya hasil sewaan, hasil pajakan dan keuntungan daripada pelaburan. Manfaat wakaf boleh digunakan untuk kemaslahatan ummah seperti:

1. membiayai pembangunan institusi keagamaan seperti sekolah agama, masjid, surau, kemudahan umum masyarakat dan penyelenggaraan bagi bangunan institusi agama;
2. membiayai bantuan sosial untuk masyarakat seperti bantuan pendidikan, anak yatim, bantuan bencana, bantuan orang kurang upaya dan bantuan kesihatan; dan
3. membangunkan ekonomi ummah seperti bantuan perniagaan dan bantuan pertanian.

Bagi wakaf biasa, pengagihan manfaat bergantung kepada sama ada aset wakaf merupakan aset Wakaf Khas atau aset Wakaf Am serta fatwa atau polisi institusi wakaf. Penerima manfaat Wakaf Khas telah ditetapkan oleh pewakaf manakala penerima manfaat Wakaf Am ditentukan oleh Institusi Wakaf. Bagi wakaf muaqqat, perolehan aset boleh direkodkan dalam buku aset-aset wakaf muaqqat kerana aset ini tidak menjadi hak kekal kepada pihak perbadanan wakaf negeri. Justeru, pihak pentadbiran perbadanan wakaf negeri hanya boleh merekod aset yang diterima sebagai catatan biasa tanpa mengiktiraf aset wakaf muaqqat sebagai aset di dalam penyata kewangan. Pihak perbadanan wakaf negeri boleh merekod aset yang diterima bagi wakaf muaqqat sebagai pajakan (leases) MFRS 16.

Contoh 1 menunjukkan catatan bagi pajakan aset yang diterima sebagai wakaf muaqqat. Pengiktirafan awal bagi pemajak iaitu pada tarikh permulaan, pemajak perlu mengiktiraf (para 22) iaitu hak-menggunakan (aset) dan liabiliti pajakan pada nilai kos.

Contoh 1 - Tanah/bangunan diterima sebagai wakaf muaqqat dari pewakaf & direkod sebagai pajakan		
Aset diwakafkan	RM 100,000	
Kos Langsung kepada Modal	RM 4,000	
Jumlah Kos	RM 104,000	
Usia Guna	5 Tahun	
Mengiktiraf Hak Guna Aset Pajakan		
Dt Hak guna - Hartanah wakaf am muaqqat	100,000	
Kt Wakaf am muaqqat liabiliti		100,000
(untuk merekod wakaf am liabiliti pajakan dan hak guna bagi aset hartanah/bangunan)		
Mengiktiraf belanja modal sebagai sebahagian daripada hak guna aset		
Dt Hak guna - Hartanah wakaf am muaqqat	4,000	
Kt Tunai		4,000
(Untuk merekod kos awal iaitu kos langsung belanja modal sebagai sebahagian daripada hak guna aset)		
Mengiktiraf belanja susut nilai		
Dt Belanja susut nilai (RM 104,000 /5)	20,800	
Kt Susut nilai terkumpul		20,800
(Untuk merekod susut nilai tahunan bagi hak guna aset hartanah wakaf am muaqqat dibahagikan kepada 5 tahun usia guna aset)		
Nyah iktiraf Hak Guna Aset Pajakan		
Dt Wakaf am muaqqat liabiliti	104,000	
Kt Hak guna - Hartanah wakaf am muaqqat		104,000
(Untuk merekod nyahiktiraf hak guna bagi aset hartanah setelah dipulangkan kepada pemilik)		

Setelah pihak perbadanan wakaf negeri merekod aset wakaf sebagai aset pajakan, mereka juga boleh mengiktiraf manfaat atau hasil yang diperolehi daripada aset tersebut. Manfaat wakaf akan diiktiraf sebagai hasil manakala pengagihan manfaat wakaf diiktiraf sebagai belanja. Lebihan manfaat wakaf yang tidak diagihkan akan terkumpul dalam Dana Wakaf.

Contoh 2 menunjukkan catatan semasa pengagihan manfaat wakaf. Contoh tersebut dibangunkan berdasarkan amalan di Perbadanan Wakaf Selangor. Pengagihan manfaat di Perbadanan Wakaf Selangor adalah berdasarkan fatwa.

Contoh 2 - Tanah/bangunan diterima sebagai Wakaf muaqqat dari pewakaf & disewakan oleh PWS		
Agihan manfaat mengikut fatwa		
50%	Penerima manfaat (seperti yang ditetapkan oleh pewakaf)	
15%	Yuran pengurusan (dibayar kepada Institusi Wakaf)	
20%	kos penyelenggaraan (hanya diiktiraf sebagai belanja mengikut amaun sebenar dilibatkan)	
15%	Perbelanjaan hartanah (hanya diiktiraf sebagai belanja mengikut amaun sebenar dilibatkan)	
Mengiktiraf hasil sewaan		
Dt Sewa belum terima	120,000	
Kt Hasil sewaan (10,000 x 12)		120,000
Mengiktiraf penerimaan tunai untuk hasil sewaan		
Dt WT/Bank	120,000	
Kt Sewa belum terima		120,000
Mengiktiraf belanja		
Dt Agihan kepada penerima manfaat - Masjid A (0.5 x 120,000)	60,000	
Dt Yuran Pengurusan Institusi Wakaf (0.15 x 120,000)	18,000	
Dt Belanja pembaikan & penyelenggaraan (Berdasarkan amaun sebenar dilibatkan, terhad kepada 0.2 x 120,000 = 24,000)	15,200	
Dt Belanja cukai hartanah (Berdasarkan amaun sebenar dilibatkan, terhad kepada 0.15 x 120,000 = 18,000)	12,400	
Kt Tunai		105,600

Kesimpulan:-

Dalam merealisasikan kewujudan wakaf muaqqat di Malaysia adalah penting bagi melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti pihak kerajaan, pihak perbadanan wakaf negeri, majlis Islam negeri, badan perundangan, para akauntan, para ilmuan dan masyarakat umum. Pendedahan penyata kewangan yang relevan, objektif, material, telus serta komprehensif, boleh dipercayai, tepat berlandaskan kepada kerangka syariah adalah penting. Pendedahan maklumat kewangan yang tidak mengelirukan serta tidak menimbulkan fitnah dan kesan negatif kepada masyarakat adalah perlu untuk menangani persepsi negatif yang sentiasa membelenggu masyarakat. Selain itu, ia dapat membantu pihak perbadanan wakaf negeri untuk merekod wakaf muaqqat kerana perkara ini belum pernah diaplikasikan di Malaysia, sekali gus dapat menarik minat masyarakat untuk melakukan wakaf muaqqat. Justeru, dengan wujudnya satu cadangan piawaian perakaunan konvensional yang seragam berlandaskan Islam wakaf muaqqat di Malaysia, adalah diharapkan institusi wakaf di negara ini dapat menzahirkan akauntabilitinya dengan cekap dan berkesan kepada pihak berkepentingan dan seterusnya melunaskan akauntabiliti kepada Allah SWT.

Rujukan:-

- Abbasi, T. & Abbasi, S. A. 2012. *Water Quality Indices*. India: Elsevier
- Ab Rahman, A. 2009. Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Ab Rahman, M. F., & Amanullah, M. 2017. The nature of temporary waqf, its ruling and public interest. *Global Journal Al-Thaqafah*.
- Abd Al-Rauf, A. A.-R. bin A.-M. 1990. *Al-Tauqif 'alāMuhimāt Al-Ta'rif*. Qaherah: Alam Al-Kutub.
- Abd Razak Minhat. 2016. Kesan Tadbir Urus Korporat, Tanggungjawab Sosial Korporat Dan Modal Intelek Ke Atas Prestasi Syarikat Tersenarai Di Malaysia. *Dissertasi, Doktor Pentadbiran Perniagaan (Dba)*, Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Hamid Yunus. 1980. "Wakaf dan Peranannya Dalam Pembangunan Umat," *Koleksi al-Yakin 1978-1979*, Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Malaysia, h. 12.
- Abdul Rahman, A.R. 2017. 'Perakaunan, pelaporan dan tadbir urus akaun kumpulan & tabung amanah majlis agama islam', *Nota pembentangan INTAC Series 2017*, IIUM.
- Abu Jaib, S. 1988. *al-Qāmūs al-Fiqhī*. Damascus: Dar Al-Fikr.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam. 1993. *Wilayah-Wilayah Persekutuan*.
- Alish, M. bin A. bin M. 1979. *Manḥu Al-Jalīl Sharḥ 'alāMukhtaṣar Al-Allamah Sayyid Khalīl*. Dar Al-Fikr.
- Al-Baghawi, A.-I. A. M. A.-H. bin M. bin M. bin A.-F. 1998. *Al-Tadzhīb fi Fiqh Al-Imam Al-Shāfi'iy (First)*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Dusuki, S. A.-D. S. M. 1934. *Ḥashiah Al-Dusūki 'alāSharḥ Al-Kabir*. Qaherah: Dar Ibn Al-Jauzi.
- Al-Dardir, A. A.-B. A. bin M. bin A. 2007. *Sharḥ Al-Ṣaghīr 'alāAqrabi Al-Masalik*. Cairo: Dar Al-Ma'arif.
- Al-Haskafi, M. bin A. bin M. bin A. bin A. R. A.-H. 2002. *Al-Durr Al-Mukhtār Sharḥ Al-Tanwīr Al-Abṣār wa Jamī' Al-Baḥr (First)*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Hiyali, Walid Naji. 2007. *Nazoriah al Muhasabah*. Tidak diterbitkan.
- Al Jafari, S. M. A. T., & Ahmad, B. 2015. Wakaf Masjid secara Bertempoh di Singapura Menurut Perspektif Syariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 252(3531), 1-15.
- Al-Jurjani, A. A. bin M. A.-S. A.-S. 1982. *Mu'jam Al-Ta'rifāt*. Qaherah: Dar AlFadhilah
- Al-Kashnawi, A. B. bin H. bin A. 1986. *Ashal Al-Madārik Sharḥ Irshād Al-Sālik fi Fiqh Imam A'imamah Mālik*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Mardawi, A. A.-D. A. H. A. bin S. 1955. *Al-Inṣaf (First)*. Cairo: Matba'ah AlSunnah Al-Muhammadiyah.
- Al-Nawawi, A. Z. M. A.-D. bin S. 2008. *Al-Majmu' Sharḥ Al-Muhadzzab li Al-Shirazi*. Jeddah: Maktabah Al-Irshad.
- Al-Shirbini, S. A.-D. M. bin A. A.-K. 2019. *Al-Iqnā' fi Ḥalli Alfaz AbīShujā'*. Qaherah: Maktabah Al-Tawfiqiyyah.
- Al-Shirbini, S. M. bin A.-K. 1997. *Mughni Al-Muḥtāj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz AlMinhāj*. Ambil daripada <https://ia802902.us.archive.org/30/items/WAQ44502/mmmam2.pdf>
- Al-Zuhaili, D. W. 1984. *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh (Second)*. Damascus: Dar AlFikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1995. *Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, jilid 8. Syria: Dar al-Fikr, h. 155
- Al-Zarkasyi, Muhammad 'Abd Allah al-Misri al-Hambali, *Sharh Mukhtasar al-Karkhi*, ed., 'Abd Allah bin 'Abdul Rahman al-Jibrin, Cet. 1(1410H), 4:268.1995.
- Alias, Tunku Alina. 2011. *Unleashing the Potential of the Waqf as an Economic Institution in Malaysia: Policy, Legal and Economics Reforms*. Kuala Lumpur: INCEIF.
- Atiyyah. Muhammad Kamal. 1409H/1989. *Nuzum Muhasabah fil Islam*. Qaherah: Maktabah Wahbah
- Conceptual Framework for General Purpose Financial Reporting by Public Sector Entities. 2014. *IPSASB*
- Donaldson, T. & Preston, L. 1995. The stakeholder theory of the corporation: concepts, evidence, and implications. *Academy of Management Review*, 20(1), 65- 91.
- Deegan, C. 2006. *Financial Accounting Theory*. Sydney: McGraw-Hill Irwin.
- Enakmen 1/2016 Enakmen Wakaf Terengganu. 2016.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. 2003.
- Enakmen Wakaf Negeri Selangor. 2015.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. 2003.
- Faliq Asraf Jafria, Azman Mohd Noor. 2019. Temporary Waqf Model for Islamic Private Retirement Scheme in Malaysia - A Proposal. *Journal of Islamic Finance*. Vol. 8 No. 1 (2019) 023 – 035. IIUM Institute of Islamic Banking and Finance.
- Fontana, A., & Frey, J. 1994. Interviewing: The Art of Science. In N. Denzin, & Y. Lincoln (Eds.), *Handbook of Qualitative Research* (pp. 361-376). Thousand Oaks, CA: Sage Publication, Inc.
- Freeman, R. E. 1984. *Strategic Management: A Stakeholder Approach*. Boston: Pitman Publishing.

- Guthrie J., Yongvanich K. & Ricceri F. 2006. Using content analysis as a research method to inquire into intellectual capital reporting. *Journal of Intellectual Capital* 5, 282–293.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Fairus Mohd Salleh, Azlina Ahmad, Norida Basnan, Azizah Mohd Harun, Ainol Basirah Abdul Wahab. 2018. Perakaunan untuk Aset Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia: Satu Cadangan Kerangka Kerja Syariah. Malaysia: Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hairul Suhaimi Nahar & Hisham Yaacob. 2011. Accountability in the sacred context: The case of management, accounting and reporting of a Malaysian cash awqaf institution. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(2): 87–113. <https://doi.org/10.1108/17590811111170520>.
- Hamdan, S. U. A., & Mahamood, S. M. (2017). Aplikasi prinsip berkekalan wakaf di institusi pengajian tinggi terpilih: Perspektif perundangan. *Journal of Shariah Law Research*, 1(2).
- Hamdan, N. 2020. The financial reporting objective and stakeholder identification of waqf institutions: an exploratory study.
- Haniffa, R., Hudaib, M., & Mirza, A.M. 2004. Accounting policy choice within the Syariah Islamiah framework, Discussion Papers in Accountancy and Finance, SOBE, University of Exeter, vol. 2, pp. 4-19.
- Hermawan, W. 2014. Politik hukum wakaf di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim*, 12(2), 147-161.
- Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidii, Muhamad Firdaus Ab Rahmanii, Azman Ab Rahman. 2019. Prospek Dan Cabaran Perlaksanaan Takaful Mikro Berasaskan Wakaf Dalam Mendeapani Pandemik. *Geran penyelidikan USIM Grand Challenge 2019*, kod penyelidikan: PI/UGC_0119/FSU/051000/13319.
- Ibrahim, A., Muntasir, A. H., Atiyyah, A.-S., & Muhammad, K. A. 2004. Al-Mu'jam Al-Waṣīṭ. *Majma' al-Lughah al-Arabiyyah*.
- Ibn Manzur, A.-A. A. A.-F. J. A.-D. M. bin M. 2007. *Lisān Al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah, A. A.-R. bin A. U. M. bin A. A.-M. 2005. *Al-Mughni wa yalihi Al-Sharḥ Al-Kabir*. Egypt: Dar Al-Kitab Al-Arabiyy.
- Isfandiar, A. A. 2008. Tinjauan Fiqh Muamalat dan Hukum Nasional tentang Wakaf di Indonesia. *La_Riba: Jurnal Ekonomi Islam*, 2(1), 51-73.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2006. *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*. Putrajaya: JAWHAR.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2009. *Manual Pengurusan Wakaf Tunai*. Putrajaya: JAWHAR.
- Jamaliah S., Azizah M., Zuraidah M. S., & Sharifah Norzehan S. Y. 2013. Financial management practices in religious organizations: An empirical evidence of mosque in Malaysia. *International Business Research*, 6(7): 111–119. <https://doi.org/10.5539/ibr.v6n7p111>
- James Guthrie, Richard Petty, Federica Ricceri. 2006. The voluntary reporting of intellectual capital: Comparing evidence from Hong Kong and Australia. *Journal of Intellectual Capital* 7(2).
- Jonny Saldana. 2011. *Fundamentals of Qualitative Research*. Oxford University Press.
- Kaedah-Kaedah Wakaf Johor. 1983.
- Kamarudin Ngah. 1992. *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 20.
- Khosyi'ah, S. 2010. *Wakaf & Hibah (Perspektif Ulama Fiqh dan Perkembangannya di Indonesia)* (Vol. 1, No. 1). CV. Pustaka Setia.
- Khusaini, M. 2020. *Wakaf Muaqqat Perspektif Mazhab Syafi'i* (Doctoral dissertation, IAIN Metro).
- Ku Nor Izah Binti Ku Ismail, Fathiyyah Binti Abu Bakar, Suhaimi Bin Ishak, Chek Bin Derashid, Norfaiezah Binti Sawandi, Muhammad Syahir Bin Abd. Wahab. 2019. Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal Di Malaysia Fasa 3, 2018 (Zon 2). *Jabatan Akauntan Negara Malaysia*. Volum 1, 2019. Isbn 978-967-0601-11-3.
- Lac, A. 2016. Content Analysis. *Encyclopedia of Adolescence*, 2(2016), 1–5.
- Lahouel, B. B., Peretti, J. M. dan Autissier, D. 2014. Stakeholder power and corporate social performance: the ownership effect, *Corporate Governance*, 14(3), 363 – 381.
- Loi, T. H. 2016, Stakeholder management: a case of its related capability and performance, *Management Decision*, 54(1), 148 – 173.
- Mahamood, S. M. 2007. Pembentukan dana wakaf menurut perspektif syariah dan undang-undang serta aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15(2), 61-83.
- Mahmood, R.H, S.Shahida., & Hameed, L.B. 2017. Kawalan Dalaman Tadbir Urus Wakaf di Malaysia. In *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia 2017*, September (pp. 6-7).
- Makinudin, M. 2019. Analisis Masalah Terhadap Wakaf Muaqqat (Studi Pasal 1 Ayat 1 Uu No. 14 Tahun 2004 Tentang Wakaf). *Jurnal Keislaman*, 2(1), 81- 99.
- Malaysian Accounting Standard Board (MASB). 2017. *statement of principles i-1 financial reporting from an Islamic Perspective (MASB SOPi)*.

- Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS), Jabatan Akauntan Negara.
- Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS). MASB
- Maliah S., Siti Alawiah S., & Shahul Hameed M. I. 2008. Internal control systems in west Malaysia's state mosques. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 25(1): 63–81. <https://doi.org/10.35632/ajiss.v25i1.396>
- Mansor, N., Jamil, A., & Bahari, A. 2017. Integrated Waqf reporting system. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 2(6), 155- 166.
- Masruki, R., Hussainey, K., & Aly, D. 2020. Factors Influencing Information Disclosure by Malaysian State Islamic Religious Councils: Evidence from Interviews. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 16(8), 349-359.
- Matten, D., Crane, A. & Chapple, W. 2003. Behind the Mask: Revealing the True Face of Corporate Citizenship. *Journal of Business Ethics*, 45 (1/2), 109-120.
- Md. Salleh, M.F.M, Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., Naim, M.A, & Wahid, H. 2016. Cadangan item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 6, 23-44.
- Maznah Zakaria, Mohamat Sabri Hassan, Radziah Abdul Latiff. 2014. Pelaporan Wakaf di Malaysia: Mengenalpasti Keperluan Maklumat Pemegang Kepentingan. *Prosiding Perkem Ke-9 (2014)* 226 - 233.
- Medina-Borja & Triantis. 2006. A conceptual framework to evaluate performance of non-profit social service organisations. *International Journal of Technology Management* 37(1):147-161 DOI:10.1504/IJTM.2007.011808
- Merriem, S.B. 1998. "Qualitative Research and Case Study Applications in Education." (2nd ed. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohamad Akram Laldin & Hafas Furqani. 2012. Developing Islamic finance in the framework of maqasidal-Shari'ah Understanding the ends (maqasid) and the means (wasa'il). *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 6(4).
- Mohd Firdaus Badrul Hishama & Mohd Rizal Muwazir. 2021. Analisis Amalan Pelaporan Dan Pendedahan Maklumat Wakaf Di Malaysia. *Labuan E-Journal Of Muamalat And Society*.
- Mohd Saharudin bin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor, Jamal Ali. 2003. Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia. *Jurnal Syariah*. 11:2 (2003J 73- 98).
- Mohd Zakhiri Md Nor, Mohd Fazli Masri, Ani Munirah Mohamad. 2020. Pembangunan Wakaf Tunai Bertempoh Dalam Sektor Koperasi: Satu Penilaian Syariah Dan Undang-Undang. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*. Volume: 2 Issues: 2 [September, 2020] pp. 219-226.
- Mughniyah, M. J. 2015. *Fiqh Lima Mazhab: Jafari, Hanafi, Maliki, Syafi'i, Hambali*. Shaf.
- Muhammad Ainul Hakim Muhammad Khalil, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi, Abdullah Thaidi, Azman Ab. Rahman. 2020. Advantages Of Temporary Waqf In Combating Covid-19 Pandemic In Malaysia. *INSA E-Prosdings*. Vol. 3 No.1 pp. 167 – 180.
- Muhammad Ainul Hakim Muhammad Khalil, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi, Abdullah Thaidi, Azman Ab. Rahman. 2021. Pengaplikasian Wakaf Ahli Bertempoh (Muaqqat) Sebagai Mekanisme Memakmurkan Amalan Wakaf Di Malaysia. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021*.
- Muhammad Fathullah al-Haq bin Muhammad Asnii, Jasni bin Sulong. 2017. Penyeragaman Fatwa Berhubung Isu-Isu Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan Awal. *Journal of Fatwa Management and Research*. Vol. 9 (2017).
- Muhamad Firdaus, A. R., & Amanullah, M. 2016. Ta'bīd al-waqf wa ta'qītuhi fī wilāyāt mukhtārah fī Malaysia. *Studia Islamika*, 23(3), 561–603. <https://doi.org/10.15408/sdi.v23i3.3592>
- Muhamad Firdaus, A. R., & Amanullah, M. 2017. The Nature of Temporary Waqf, its Ruling and Public Interest. *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(2), 175–1187. <https://doi.org/10.7187/gjat122017-11>
- Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, R Masruki & MM Hanfah. 2018. Waqf Management Practices: Case Study in a Malaysian Waqf Institution. *World Journal of Social Sciences* 8 (3), 1-12
- Muhammad 'Ubayd al-Kabisi. 1977. *Ahkam al-Waqf ji as-Syari'ah al-Islam*, Juz 2, Baghdad, h. 79.
- Mutalib, H. A., & Maamor, S. 2016. Utilization of Waqf Property: Analyzing an Institutional Mutawalli Challenges in Management Practices. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 6(7S).
- Nazih Hammad. 2008. *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Iqtisādiyyah fī Lughah al-Fuqaha' (First)*. Damascus: Dar Al-Qalam
- Neely, A., & Ponshumugam, A. 2019. A qualitative approach to examining health care access in rural South Africa. *Social Science and Medicine*, 230, 214–221.
- Nazih Hammad, Mu'jam al-Mustalahat alIqtisadiyyah fi Lughati al-Fuqaha, Cet. Ke- 3, (Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islami, 353.
- Nor Asiah Mohamad. 2018. Perkembangan Terkini Enakmen Wakaf Di Malaysia: Adakah Komprehensif?. *Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*.

- Noormala Ali, Mohamed Sharif Mustaffa, Roslee Ahmad. 2005. Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes. Suatu Persepsi Di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling. 3rd International Qualitative Research Convention on 21-23 August 2005.
- Noorhayati Mansor, Amira Jamil & Asniati Bahari. 2017. Integrated Waqf Reporting System. International Journal of Accounting, Finance and Business. Volume: 2 Issues: 6 [December, 2017] pp.155 - 166]
- Norfaiezah Sawandi, Chek Derashid, Ku Nor Izah Ku Ismail, Fathiyah Abu Bakar, Muhammad Syahir Abdul Wahab, Hasnah Shaari. 2020. Amalan dan Keperluan Pembentangan dan Pendedahan Penyata Kewangan bagi Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management. Vol. 10, No. 1, 2020, pp. 45-61.
- Nori Yani Abu Talib, Radziah Abdul Latiff, Aini Aman & Mohd Rizal Palil. 2018. An Exploratory Study of Accounting and Reporting Practice for Waqf Among State Islamic Religious Councils in Malaysia. International Journal of Islamic Thought 13(1).
- Osman, Amirul Faiz, Sheila Nu Nu Htay, and Mustafa Omar Muhammad. 2012. "Determinants of Cash Waqf Giving in Malaysia: Survey of Selected Works." In Workshop Antarbangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5), Medan.
- Ordinan Majlis Islam Sarawak. 2001.
- Patton, M.Q. 1990. "Qualitative Evaluation and Research Methods." London: Sage Publications.
- Puad, N. A. M., Rafdi, N. J., & Shahar, W. S. 2014. Issues and Challenges of waqf instrument: A case study in MAIS. Retrieved on, 18.
- Qahf, M. 2000. Al-Waqf Al-Islami: Taṭawwuruḥu, Idaratuhu, Tanmiyyatuhu. In Dar Al-Fikr. Damascus: Dar Al-Fikr.
- Qu, W. & Leung, P. 2006. Cultural impact on Chinese corporate disclosure-a corporate governance perspective. Managerial Auditing Journal; 21(3), 241-264.
- Rabiatul Hasanah Mahmood, Nazifah Mustaffha, Latifa Bibi Musafar Hameed, Norhanizah Johari. 2017. Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017).
- Rosnia Masruki & Zurina Shafii. 2013. The development of Waqf accounting in enhancing accountability. Middle-East Journal of Scientific Research 13 (Research in Contemporary Islamic Finance and Wealth Management): 01-06, 2013; ISSN 1990-9233
- Saleem M. 2004. Awqaf experience in Sri Lanka. Awqaf, 6(1): 69–88.
- Shakrani, M. S. 2019. Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia. Jurnal Syariah, 11(2), 73-98.
- Shahul H, M. 2000, The need for Islamic accounting: perceptions of Malaysian Muslims accountants and academics on the objectives and characteristics of Islamic accounting, Unpublished PhD Thesis, University of Dundee, U.K.
- Siciliano, J. I. 1996. The relationship between formal planning and performance in nonprofit organizations. Nonprofit Management and Leadership, 7(4): 387– 403.
- Siti Mashitoh Mahamood. 2006. Perundangan Wakaf Dan Isu-Isu Berbangkit. Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama UiTM Johor, UTM, UM, UIAM, YPEIM, IKIM, JAKIM dan YADIM, The Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006.
- Siti Mashitoh Mahamood. 2001, "The Legal Principles of Waqf: An Analysis", Syariah Journal, 9:2 .2001. 1-12.
- Siti Mashitoh binti Mahamood. 2021. prospek pelaksanaan wakaf bertempoh di Malaysia. Program Webinar Wakaf Bersiri. <https://fb.watch/6MXRdWPcqo/>.
- Sulaiman, S., & Hasan, A. 2017. Dinamisme Wakaf Unit Amanah Menurut Perspektif Syarak. Jurnal Syariah, 25(2), 157-186.
- Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan. 2017. Dinamisme Wakaf Unit Amanah Menurut Perspektif Syarak. Jurnal Syariah, Jil. 25, Bil. 2 (2017) 157-186.
- Syuhatah, Syauqi Ismail 1407H. 1987. Nazoriah al-Muhasabah al-Maliah min manzur Islami. Qaherah: Zahra' lil i'lam arabi
- Taylor, Steven J, Bogdan, Robert, & DeVault, Marjorie. 2015. Introduction to Qualitative Research Methods: A Guidebook and Resource. United Kingdom: John Wiley & Sons.
- Utama, B. P. 2011. Amalan Pendaftaran Tanah Wakaf: Satu Kajian Kes Di Bawah Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia.
- Yassir, M., Ma'Ani, B., & Alhusni, A. 2019. Kedudukan Wakaf Dalam Islam Studi Perbandingan Antara Mazhab Hanafi Dan Mazhab Syafi'i . (Doctoral Dissertation, Uin Sulthan Thaha Saifuddin Jambi).
- Yasniwati, Sh, Mh, Zefrizal Nurdin, Sh, Mh, Misnar Syam, Sh, Mh. 2019. Wakaf Untuk Kesejahteraan Sosial Di Indonesia. Andalas University Press, 75-94.

- Yusof, N. S., & Jaafar, H. 2018. The implementation of accrual-based accounting in Malaysian public sector: Opportunities and challenges. *International Business Education Journal*, 11(1), 49-62.
- Zhou, M. M., & Panbunyuen, P. 2008. The association between board composition and different types of voluntary disclosure. Unpublished Thesis.